

“Seorang Tua Di Kaki Gunung” : Satu Penelitian Gerotranscendensi

Ooi Eng Lye, Mohamad Luthfi Abdul Rahman, dan Mohd. Shahremy Ikmal Shahbudin

Universiti Sains Malaysia

ooienglye@student.usm.my, luthfi@usm.my, shahremyikmal@usm.my

ABSTRAK

Novel *“Seorang Tua di Kaki Gunung”* memaparkan beberapa persoalan yang dihadapi oleh seorang tua. Ceritanya dimulakan dengan gambaran persekitaran perkampungan di kaki Gunung Bongsu, asal usul watak seorang protagonis tua yang diberikan gelaran “Tukya”. Kajian ini bertujuan untuk memaparkan pemikiran dan emosi seorang tua yang dalam dunia perkampungannya di kaki gunung. Untuk kajian ini, pendekatan gerotranscendensi Lars Tornstam telah digunakan untuk meneliti sikap dan perubahan seorang tua yang teguh mempertahankan pendiriannya yang sudah sebatang kara dengan corak kehidupan dan amalan tradisinya. Konflik kekeluargaan tercetus di antara Tukya dan anak menantunya yang sering menyindir dan menghina kehidupan di kampung. Tukya mewakili golongan yang tua yang agak konservatif daripada aspek pemikiran dan cara kehidupannya manakala anak cucunya yang mewakili golongan muda sering melontarkan saranan atau pandangan yang sinis tanpa meneliti atau memahami kedudukan serta emosi yang seorang tua. Penelitian daripada aspek kejiwaan Tukya membolehkan pembaca memahami jiwa manusia serta keinginan yang mendorong sikap dan perlakuan seorang tua di dalam diri, keluarga dan persekitarannya. Dengan menelusuri kisah hidup Tukya, pembaca akan mengalami perubahan dalam cara memahami ketuaan dan proses penuaan dalam perspektif yang berbentuk positif. Menurut perspektif gerotranscendensi, memiliki ego yang agak tinggi seperti Tukya adalah berbentuk positif namun keazamannya telah membawa kepada pengorbanan nyawanya. Perwatakan Tukya mempamerkan ciri-ciri seorang gerotranscendent yang bersemangat kental dalam menempuhi cabaran untuk membina sebuah rumah untuk anak cucunya.

Kata kunci: Tukya, Lars Tornstam, konflik, gerotranscendensi, gerotranscendent

PENDAHULUAN

Novel *“Seorang Tua di Kaki Gunung”* memaparkan beberapa persoalan yang dihadapi oleh seorang tua. Judul novel ini memberi satu bayangan kepada pembaca tentang nasib diri seorang tua yang berada di kaki gunung. Tafsiran umum terhadap perlakuan seorang yang lanjut usia di kaki bukit seringkali membawa konotasi negatif. Namun demikian, Tukya ialah seorang tua yang mempunyai ego tersendiri. Lumrahnya, orang yang lanjut usia kebanyakannya sebegini dan merasakan dirinya mampu melakukan segala-galanya tetapi tenaga tuanya menjadi halangan. Ceritanya dimulakan dengan gambaran persekitaran perkampungan di kaki Gunung Bongsu. Perkampungan yang tidak ramai penduduknya itu diredupi oleh rimbunan daun-daun pokok dan kayu-kayu yang berceracak menghutan di sepanjang kaki gunung sehinggalah ke puncak. (STDG, 182: 1).

Dalam novel ini, pengarang cuba memperlihatkan sikap Tukya, seorang tua yang teguh mempertahankan pendiriannya yang sudah sebatang kara dengan corak kehidupan dan amalan tradisinya. Konflik kekeluargaan tercetus di antara Tukya dan anak menantunya yang sering menyindir dan menghina kehidupan di kampung. Tukya mewakili golongan yang tua yang agak konservatif daripada aspek pemikiran dan cara kehidupannya manakala anak cucunya yang mewakili golongan muda sering melontarkan saranan atau pandangan yang sinis tanpa meneliti atau memahami kedudukan serta emosi yang seorang tua. Tukya merasakan tercabar kehidupan,

pegangan hidup, malah keseluruhan dirinya "berdiri tegak" mempertahankan maruahnyanya yang tercabar itu. Pengarang mengisahkan pelbagai konflik Tukya berhadapan dengan sikap anak cucu, menantu, masyarakat dan alam sekitarnya yang ternyata tidak memihak kepada cara kehidupannya. Unsur-unsur ketegangan akibat pelbagai konflik yang dihadapi oleh Tukya telah berkembang menuju kemuncaknya. Ketegangan terakhir adalah semasa Tukya berjaya menumbangkan pokok cengal batu, tetapi ditimpa pokok cengal ini. Pengarang menjadikan kematian tragis Tukya sebagai suatu penyelesaian.

Melalui watak Tukya, pengarang cuba memperlihatkan sikap golongan tua yang teguh mempertahankan pendiriannya terhadap corak kehidupannya. Tukya dan Besah mewakili golongan tua di desa yang mempunyai gaya kehidupan tersendiri, manakala keluarga Fikri-Fatimah mewakili golongan muda yang berasal dari desa, tetapi lebih tertarik kepada kehidupan kota. Mereka mendapat status kehidupan yang lebih baik melalui pendidikan dan mereka cenderung kepada kehidupan kota yang lebih bersifat individualistik. Golongan tua ioi sering berkonflik dengan golongan muda. Masing-masing bersungguh-sungguh mempertahankan cara dan gaya kehidupan yang mereka senangi. Tukya berasa hairan dengan sikap anaknya yang seakan-akan lupa bahawa di kaki Gunung Bongsu itulah tempat Fikri dilahirkan dan dibesarkan. Ini dapat dilihat dalam petikan di bawah:

"Tukya sungguh-sungguh merasa hairan, mengapa Fikri yang besar, yang belajar, yang tidur, yang jaga, yang bermain berkubang di sini dahulu, tiba-tiba bila sudah dapat kerja bergaji besar seperti mahu melupakan semuanya? Sudahlah itu, berkahwin pula dengan orang lain. Sudahlah itu, anaknya pula jadi seperti itu. Mereka seperti lupa, bahawa rimba belukar itulah tempat tumpah darah bapa mereka."

(Azizi Haji Abdullah, 1982: 17)

Oleh sebab rasa kecintaan yang mendalam terhadap kehidupan tradisi, Tukya cuba berusaha agar anak cucunya ikut menyedari dan menyenangi cara dan gaya kehidupannya. Inilah yang menimbulkan suasana ketegangan Tukya dengan anak menantunya. Jiwa Tukya memberontak kerana mereka tidak faham tentang tujuan murninya yang mahu memperkenalkan dunia rimba kepada cucunya. Malah baginya kata-kata sindiran itu seperti merendah-rendahkan dirinya. Tukya merasakan maruahnyanya dicabar apabila dirinya direndah-rendahkan.

Selepas peristiwa-peristiwa yang menghiris perasaan Tukya itu, Tukya berazam mahu membuktikan bahawa dirinya masih kuat dan berguna. Kata-kata Fikri, sindiran Fatimah dan Farid menjadikan Tukya berasa tercabar dan dia membuat keputusan untuk menebang pokok cengal batu dengan kudrat tuanya. Dengan pokok itu dia berazam untuk mendirikan rumah barn yang kukuh dan selesa. Dengan ditemani oleh isterinya, Tukya ke hutan untuk menebang pokok itu dan akhirnya pokok itu tumbang. Malangnya pokok itu menghempap tubuh Tukya dan akhirnya Tukya meninggal dunia. Fikri baharu sedar tentang hasrat hati ayahnya yang tidak tercapai:

"Fikri mula tersedar bahawa dalam tubuh kurus cengkung ayahnya terpacak satu azam yang sukar digoyah, satu keanehan yang sukar ditafsirkan. Ruapa-rupanya selama ini ayahnya menjadi seorang pendendam yang tidak sudah. Tidak disangkannya dari apa yang tercuik melalui kata-katanya, kata-kata Farid, kata-kata Fatimah, menyebabkan anyahnya berbuat sesuatu yang di luar kemampuannya."

(Azizi Haji Abdullah, 1982: 163)

Tukya merasakan dirinya kecewa kerana yang menusuk hati kecilnya adalah daripada kalangan ahli-ahli keluarganya sendiri serta orang-orang kampungnya. Pada Tukya cabaran-cabaran itu merupakan siri-siri penghinaan terbuka ke atas maruah dirinya. Yang paling menyakitkan

hatinya ialah sikap Farid, cucunya yang sulung yang tidak sepatutnya menyindir atau mencabar datuknya. Tukya kemudian berazam untuk menebang pokok cengal untuk membina menggantikan kayu rumahnya yang buruk. Dengan segala kudrat yang ada, dia menggagahkan diri menebang pokok cengal. Lebih setengah bulan dia mengerjakannya seorang diri dengan isterinya Besah disisinya/ Tukya juga menerima hakikat bahawa rumahnya yang berusia lebih dua puluh tahun itu sememangnya mulai uzur dan minta diganti dengan yang baru. Dia merasakan tenaganya sendiri saja yang mampu melakukan semua itu tanpa bantuan daripada orang kampung atau anaknya sendiri.

"Esok kita saja yang pergi," ulang Tukya.

Besah mengangguk.

"Kita bangun awal. Lebai Ca pun tenti tidak pergi. Lebai' At pun tentu tidak pergi.

Dan semua pun tidak pergi sebab Fikri tidak balik."katanya lagi tertahan-tahan.

Kelopak matanya terasa pedih. Dipejam Celik, diperjam Celik, akhirnya sedikit air jernih itu meleleh ke pipi kedutnya. Tukya cepat-cepat menyapunya.

(STDG, 1984: 147)

Dengan amat pilu, dengan senyap-senyap, dari rongga dadanya dia merelai apa juga yang berlaku dan apa juga keputusan yang telah diambil oleh Fikri. (STDG, 1984: 147).

TEORI DAN METODOLOGI

Kajian ini akan menggunakan pendekatan gerotransdensi Lar Tornstam untuk menelusuri ketuaan dan proses penuaan watak protagonisnya Tukya dalam perjalanan kehidupannya. Ketuaan dan proses penuaan membawa pelbagai tafsiran dan persoalan untuk dikaji dan difahami. Seperti yang dikatakan oleh seorang sarjana,

...the interrogation of stories of age and ageing via narrative approaches and as found in literature are increasingly recognised as an important source of knowledge for mining the intricacies of later life... narrative and literary gerontology to age and ageing when allied to perspectives from critical gerontology can furnish scholars with important perspectives for interpreting and re-configuring "age".

(Zelig, 2011: 7)

Menurut Hooyman dan Kiyak, proses penuaan biologi merujuk kepada perubahan fizikal yang merujuk kepada penurunan prestasi fungsi sistem organ manakala penuaan psikologi merujuk kepada perubahan yang berlaku kepada fungsi mental, emosi dan personaliti. Perubahan juga berlaku di dalam dimensi sosial dalam perhubungan manusia dengan manusia dan juga manusia dengan alam persekitaran. Dengan menggunakan gerontologi kritikal kita dapat memahami proses penuaan untuk setiap dimensi biologi, mental dan sosial. Namun, dengan menggunakan gerontologi sastera, kita dapat meneliti karya-karya sastera untuk membantu kita memahami perubahan-perubahan tersebut. Seperti kata Zeilig,

Fictional stories can be invaluable for considering the bvarious manifestations of age and ageing. However, these stories are mos tinsightful when they are thoroughly contextualised, when the frame of reference is accounted for an dwhen fision as one in a range of cultural discourse is appreciated.

(Zeilig, 2011: 31)

Memang tidak dapat dinafikan kisah-kisah dalam novel ini boleh dihayati untuk memahami ketuaan dan proses penuaan protagonis "Tukya" dalam perjalanan kehidupannya. Teori gerotranscendensi mempunyai beberapa penaung. Tornstam telah banyak membaca beberapa teori dan pendapat daripada komuniti sains dalam memahami proses ketuaan dan pengalaman

orang tua. Sungguhpun ada beberapa teori yang memberi impak kepada dirinya dan beliau percaya bahawa teori-teori tersebut tidak menggambarkan peringkat akhir dalam perjalanan hidup seseorang insan secara menyeluruh. Oleh sebab Tornstam tidak dapat mencari teori yang boleh menerangkan aspek ketuaan dan proses penuaan dengan menyeluruh, beliau telah memperkenalkan teori Gerotranscendensi tersendiri berdasarkan teori-teori Gerotranscendensi yang diperkenalkan oleh Erikson (1950), Peck (1968), Gutmann (1976), Cumming dan Henry (1960). Pendekatan-pendekatan naratif yang digunakan oleh pengarang dapat membantu untuk melihat proses penuaan yang dilalui oleh pengarang. Naratif yang dimaksudkan di sini merangkumi bentuk-bentuk naratif dalam bidang perubatan, sosial, kesusasteraan dan sebagainya.

Untuk kajian ini, teori gerotranscendensi Lars Tornstam digunakan untuk meneliti proses penuaan dalam ketiga-tiga dimensi biologi, mental dan sosial. Teori gerotranscendensi yang dianjurkan oleh Lars Tornstam memiliki tiga dimensi, iaitu dimensi kosmik, dimensi diri, dan dimensi hubungan sosial dan peribadi (Tornstam, 2011). Dimensi kosmik merangkumi tema-tema seperti penilaian semula konsep masa, hubungan dengan generasi terdahulu, meleraikan ketakutan atau kegelisahan tentang kematian, misteri dalam kehidupan, dan sumber kebahagiaan *transcendental*. Dimensi diri merangkumi tema konfrontasi diri, kelunturan kepekaan diri, integriti diri, dan keutuhan ego. Dimensi ketiga merujuk kepada kepentingan hubungan sosial dalam fasa hidup yang berbeza, yang berhubung dengan topeng sosial, membeaskan diri daripada kepolosan, kelunturan minat terhadap kebendaan (Tornstam, 2000). Sehubungan itu, Tornstam (1996) mengatakan bahawa:

Typically, the gerotranscendent individual experiences a new understanding of fundamental existential questions – often a feeling of cosmic communion with the spirit of the universe, a redefinition of time, space, and life and death, and a redefinition of the self and relationships to others.

(Tornstam, 1996: 42)

Individu yang berada dalam usia tua yang berkembang menjadi gerotranscendent akan mengalami proses menilai semula ruang masa dan objek (Tornstam, 2005). Menurut Zeilig,

...the interrogation of stories of age and ageing via narrative approaches and as found in literature are increasingly recognized as an important source of knowledge for mining the intricacies of later life.

(Zeilig, March 2012: 7)

Namun demikian, dalam pengertian yang lebih jelas, unsur-unsur penting yang membentuk dan membangunkan sesebuah naratif (cerita) secara sistematik ialah tema, watak, latar, plot (urutan peristiwa), sudut pandangan dan gaya bahasa yang diungkapkan dengan menggunakan teknik naratif yang terpilih dan berkesan mengikut daya kreativiti seseorang pengarang fiksi sejajar dengan pendapat Shahnnon Ahmad (1979: xiii) dalam bukunya *Gubahan Novel* (Talib Samat, 2010). Dengan melihat naratif sastera menggunakan pendekatan naratif gerontologi, pengkaji dapat lebih memahami unsur-unsur dalam proses penuaan yang dialami oleh pengarang ataupun watak-watak di dalam cerita tersebut. Untuk memahami proses penuaan yang diutarakan dalam teks sastera, kajian yang mendalam seharusnya berteraskan kepada gabungan pendekatan gerontologi sastera, gerontologi naratif dan gerontologi kritikal.

Setiap manusia mengalami peringkat kehidupan mengikut perkembangan umur. Secara umumnya, perkembangan berlaku secara berperingkat-peringkat iaitu bayi, remaja, dewasa dan tua. Di setiap peringkat, perkembangan tersebut kita melihat proses penuaan dalam aspek fizikal, mental, sosial dan emosi.

Dengan menggunakan teori gerotranscendensi, kita akan dapat mengkaji perlukisan pengalaman hidup watak-watak tua dalam karya-karya sastra yang membawa tema berunsurkan transformasi sosial, mental, emosi dan sosial. Kita akan lebih memahami bagaimana watak tersebut dapat mengalami perubahan pandangan hidup ketika menempuhi usia lanjut berdasarkan teori Tornstam mendefiniskan gerotranscendensi sebagai *“shift in meta-perspective from a materialistic and rational view to a more cosmic and transcendent one, normally followed by an increase in life satisfaction.”* (Tornstam, 1994: 203) Teori gerotranscendensi memiliki tiga dimensi, iaitu dimensi kosmik, dimensi diri, dan dimensi hubungan sosial dan peribadi (Tornstam, 2011). Dimensi kosmik merangkumi tema-tema seperti penilaian semula konsep masa, hubungan dengan generasi terdahulu, meleraikan ketakutan atau kegelisahan tentang kematian, misteri dalam kehidupan, dan sumber kebahagiaan *transcendental*. Dimensi diri merangkumi tema konfrontasi diri, kelunturan kepekaan diri, integriti diri, dan keutuhan ego. Dimensi ketiga merujuk kepada kepentingan hubungan sosial dalam fasa hidup yang berbeza, yang berhubung dengna topeng sosial, membeaskan diri daripada kepolosan, kelunturan minat terhadap kebendaan (Tornstam, 2000). Dalam konteks ini, Tornstam (1996) menjelaskan bahawa:

Typically, the gerotranscendent individual experiences a new understanding of fundamental existential questions – often a feeling of cosmic communion with the spirit of the universe, a redefinition of time, space, and life and death, and a redefinition of the self and relationships to others.

(Tornstam, 1996: 42)

Individu yang berada dalam usia tua yang berkembang menjadi gerotranscendensi akan mengalami proses menilai semula ruang masa dan objek (Tornstam, 2005). Sungguhpun ada beberapa teori yang memberi impak kepada dirinya dan beliau percaya bahawa teori-teori tersebut tidak menggambarkan peringkat akhir dalam perjalanan hidup seseorang insan secara menyeluruh. Oleh sebab Tornstam tidak dapat mencari teori yang boleh menerangkan aspek ketuaan dan proses penuaan dengan menyeluruh, beliau telah memperkenalkan teori gerotranscendensi tersendiri berdasarkan teori-teori Gerotranscendensi yang diperkenalkan oleh Erikson (1950), Peck (1968), Gutmann (1976), Cumming dan Henry (1960). Teori Gerotranscendensi memiliki tiga dimensi, yakni dimensi kosmik, dimensi diri dan dimensi hubungan sosial dan peribadi. Individu yang mengalami proses penuaan akan melalui tiga dimensi tersebut dalam usaha mereka untuk mencari kepuasan hidup yang abadi. Individu yang berada dalam usia tua yang berkembang dalam arus gerotranscendensi akan mengharungi cabaran baharu dalam aliran usia tua mereka secara positif. Hasil daripada pelbagai perubahan yang dihadapi dalam proses penuaan, kemerosotan aspek fizikal serta mental telah membawa satu perspektif atau dimensi baharu namun begitu perubahan tersebut bukan selalunya berbentuk negatif tetapi mungkin akan membawa satu pengalaman positif yang mungkin akan mengubahsuaikan aliran usia tua mereka itu. Dalam mengharungi kehidupan harian, seseorang yang berada dalam usia tua akan berhadapan dengan pelb Gerosahai fenomena, cabaran, dan permasalahan. Lantaran itu, usia tua dan proses penuaan dalam kehidupan seseorang individu menuntut perubahan yang positif seiringan dengan azam dan semangat di dalam dirinya.

Gerotranscendensi Tornstam memperlihatkan perkembangan dan perubahan golongan tua yang berbentuk positif dalam perjalanan hidup. Carta di bawah menunjukkan ciri-ciri yang positif dalam setiap dimensi yang membawa kepada *gerotranscendence*. Seperti kata Tornstam, *“... gerotranscendence refers to a shift in meta-perspective, from materialistic and rational view of the world to a more cosmic and transcendent one, normally accompanied by an increase in life satisfaction- previously described as a contemplative dimension of aging.”* (Tornstam, 1997a).

Jadual 1 Dirumuskan berdasarkan *Signs of Gerotranscendence* (Tornstam, 1996b)

Kesepaduan Diri	Perhubungan Sosial / Perhubungan Peribadi	Kosmik (Alam Semesta)
<i>Development of body transcendence:</i> Transcendent fizikal, pengurangan obsesi terhadap aspek fizikal. Kurangnya pemberian nilai terhadap ruang material.	<i>Role Play:</i> Memisahkan diri daripada jangkaan peranan. Pemahaman tentang keperluan untuk memainkan peranan dalam kehidupan.	<i>Time and Space:</i> Perubahan persepsi tentang masa dan ruang. Masa kini dan masa silam bercampur-baur.
<i>Self-transcendence:</i> Kurangnya sempadan/batasan antara diri sendiri dan orang-orang lain.	<i>Everyday wisdom:</i> Kebijaksanaan seharian dalam transcendensi. Peningkatan kebenaran dan sikap spontan yang dikaitkan dengan kerasionalan dan pengadilan golongan dewasa.	<i>Connection to earlier generations:</i> Hubungan dengan masa silam, generasi terdahulu dan sejarah. Zaman kanak-kanak kedua.
<i>Decrease of self-centeredness:</i> Perubahan yang bersinambungan dan pembangunan diri sebagai individu. Memahami kehidupan sebagai satu entiti yang menyeluruh. Perhubungan sejagat dengan manusia, alam sekitar, unsur spiritual dan sebagai.	<i>Emancipated innocence:</i> Menahan pengadilan dan peningkatan dalam pemikiran yang terbuka	<i>Life and death:</i> Persepsi terhadap kehidupan dan kematian yang berubah.
<i>Self Confrontation:</i> Penemuan tentang aspek-aspek diri yang terselindung – yang baik dan buruk.	<i>Changed meaning and the importance of relations:</i> Sikap memilih dalam perhubungan, fokus kepada perhubungan yang bermakna.	<i>Mystery in Life:</i> Konsep misteri diterima.
<i>Ego-integrity:</i> Kesedaran tentang kepelbagaian dalam kehidupan membentuk satu kesepaduan.	<i>Modern asceticism:</i> Satu pemahaman tentang kekayaan dan kebebasan kezahidan.	<i>Rejoicing:</i> Perayaan dan kegembiraan.
<i>Self-transcendence:</i> Satu anjakan daripada kepentingan diri kepada altruisme.		

Carta yang tersebut di atas memaparkan 16 ciri gerostranscendensi di dalam ketiga-tiga dimensi yang dianjurkan oleh Tornstam. Menurut Massmann, *Tornstam's theory is made up of three different levels: the cosmic level, the self level, and the social and individual relations level. Sixteen signs are divided between the three levels and these signs explain what it means to be gerotranscendent.* (Massmann, 2012: 83). Di dalam novel ini, sikap dan keperibadian Tukya sememang diperlihatkan sebagai seorang tua yang bersemangat kental untuk memperjuangkan hasrat hatinya untuk menegakkan ciri-ciri tradisi yang telah diruntuhi oleh arus pembangunan.

PERBINCANGAN KARYA

Ketuaan dan kedaifan kehidupan Tukya dikampung telah memaksa anaknya Fikiri sering mengajak Tukya dan isterinya, Besah berpindah ke Kuala Lumpur. Namun, akhirnya Fikiri tidak mengajak lagi kerana dia tahu perangai Tukya yang jakun dengan bandar (hlm. 4). Kata Tukya,

“Daerah hutan itu amat berlainan dengan hutan batu-bata dan hiruk-pikuk segala macam. Di situ ada hutan gunung tinggi, di situ ada rimba baruh, di situ ada hutan paya dan di situ ada belukar. Semuanya akan mengajar dan memberi erti tentang kehidupan.”

(Azizi Haji Abdullah, 1982: hlm 15)

Bagi Tukya suasana kehidupan di desa Kaki Gunung Bongsu memberi satu bentuk kehidupan hutan rimba yang tenteram berbanding dengan kehidupan di bandar. Tukya berasa bangga sebab cucunya, Lamin benar-benar cenderung dengan kehidupan hutan rimba. Bagi Tukya, *“Tidak sia-sialah dia mengajak Lamin masuk rimba dan mendaki gunung.”* (hlm. 33). Pengarang telah melukiskan gambaran alam hutan untuk menimbulkan perhubungan erat dan selari antara usia Tukya yang dianggap ‘keras’ atau degil dengan kehidupan tradisi yang dianggap murni. Seperti kata Tornstam, *“The development towards gerostranscendence seems to be stimulated by small experiences of nature”*. (Tornstam, 2005: 72).

Namun begitu, Tukya adalah lambang seorang manusia yang gigih dalam usaha mempertahankan pendiriannya hingga ke akhir hayat. Kegigihan serta sikap seorang tua iaitu Tukya yang cuba mempertahankan cara hidup tradisi memperlihatkan ciri-ciri seorang gerotranscendent yang penuh semangat untuk meneruskan perjuangannya. Menurut Tornstam,

“The enhanced feeling of a cosmic communion with the spirit of the universe can be experienced as being part of a flow of energy which courses through the universe”

(Tornstam, 1998: 60)

Dalam konteks ini, keazaman Tukya boleh disebabkan oleh gabungan tenaga kosmik dengan alam semulajadi yang telah membawa diri Tukya ke dimensi metafizikal. Individu yang berada dalam usia tua yang berkembang menjadi gerotranscendensi akan mengalami proses menilai semula ruang masa dan objek (Tornstam, 2005). Sambil membelakangkan matanya Tukya kata, *“Aku tak tua. Sapa kata aku tua?”* (Azizi Haji Abdullah, 1982:84).

Sememangnya dia tidak dapat menerima kata-kata yang mengatakan dirinya telah tua. Tukya menganggap tenaganya masih kuat: “Berhenti ketika masih kuat bererti menghina tenaga yang ada, fikir Tukya” (Azizi Haji Abdullah, 1982: 85). Kata-kata yang mempermainkan usia tuanya telah menyebabkan dirinya tercabar kerana dia tidak pernah dirinya disindir tentang usianya. Sindiran-sindiran ini menyemarakkan lagi semangat Tukya untuk menjadikan Gunung Bongsu sebagai ‘rakan karibnya’. Hati Tukya bertambah sakit apabila Fikri dan Fatimah mengatakan bahawa dirinya masih tidak sedar dirinya walaupun usia sudah tua. Kata-kata cucunya, Farid juga telah mengeruhkan lagi keadaan yang mana telah memperkecil-kecilkan kebolehannya dan membanding-bandingkan rumah tuanya dengan rumah batu di bandar. Malah kata-kata daripada Farid juga telah mengeruhkan lagi suasana, iaitu memperkecil-kecilkan kebolehan Tukya dan membandingkan-bandingkan antara rumah Tukya dengan rumahnya di bandar. Namun demikian, Tukya tetap dengan pendiriannya. Selepas peristiwa-peristiwa yang menghiris perasaan Tukya itu, Tukya berazam mahu membuktikan bahawa dirinya masih kuat dan berguna:

Alangkah retak hatinya. Alangkah hancur perasaan. Tetapi keputusannya tetap satu walaupun Besah tidak bersetuju. Biarlah mati hidup di situ, Dan kemudian, akan dibuktikan di satu hari nanti bahawa rumah buruk itu akan digantikan dengan kayu-kayu kukuh, banir dan balak, temperak dan teras, Akan dibuktikan

pada Fikri, pada Fatimah bahawa dalam usia tuanya dia masih mampu untuk menegakkan sebuah rumah yang kukuh di kaki gunung itu.

(Azizi Haji Abdullah, 1982: 97)

Suara-suara itu menjadikan Tukya berasa tercabar dan dia membuat keputusan untuk menebang pokok cengal batu dengan kudrat tuanya, Dengan pokok itu dia berazam untuk mendirikan rumah barn yang kukuh dan selesa.

Tukya amat sedih dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku, perasaan marah kepada Fikri, Fatimah dan Farid kerana memperkecil-kecilkan kebolehannya dan membandingkan rumah tuanya dengan rumah mereka di bandar, serta kemarahannya kepada jururawat yang menyindir tentang usia dan kebolehannya. Jiwanya turut tertekan apabila Fikri mengatakan bahawa dia enggan menjejakkan kaki ke kampung jika Tukya dan Besah tidak mahu tinggal di bandar. Selain meluahkan segala perasaan tidak puas hati Fikri dan Fatimah terhadap sikap Tukya, Fikri telah memberi kata putus: "Kalau mak dan ayah masih berdegil juga, tak tahulah. Jangan salahkan kami kalau kami tak balik ke rumah buruk'ni ... " (Azizi Haji Abdullah, 1982: 96).

Secara fizikalnya Tukya tidak kuat tetapi perasaannya yang tercabar itu tiba-tiba menjadikan semangatnya kuat membara. Dia terlupa kepada ketuaannya kerana fikiran serta pendirian yang teguh telah memberinya satu kekuatan dan semangat yang kental. Tukya semakin kuat mempertahankan maruah diri yang dikatakan tercabar. Kata-kata daripada doktor dan beberapa orang jururawat semasa Tukya terlantar di hospital akibat dari serangan lebah itu juga tidak dapat diterimanya sebagai suatu hakikat. Tukya merasakan mereka memperkecilkan kemampuannya. Cabaran daripada Awang Lazim, Lebai 'At dan Lebai Ca semasa Tukya juga meninggikan lagi semangat Tukya mempertahankan maruahannya.

Selepas peristiwa-peristiwa yang menghiris perasaan Tukya itu, Tukya berazam untuk membuktikan kekuatan dan kekentalan semangatnya. Hati Tukya terluka tetapi semangatnya berkobar-kobar untuk mendirikan rumah:

Alangkah retak hatinya. Alangkah hancur perasaan. Tetapi keputusannya tetap satu walaupun Besah tidak bersetuju. Biarlah mati hidup di situ, Dan kemudian, akan dibuktikan di satu hari nanti bahawa rumah buruk itu akan digantikan dengan kayu-kayu kukuh, banir dan balak, temperak dan teras, Akan dibuktikan pada Fikri, pada Fatimah bahawa dalam usia tuanya dia masih mampu untuk menegakkan sebuah rumah yang kukuh di kaki gunung itu.

(Azizi Haji Abdullah, 1982: 97)

Kata-kata Fikri dan sindiran Fatimah dan Farid menjadikan Tukya berasa tercabar dan dia membuat keputusan untuk menebang pokok cengal batu. Dengan pokok itu dia berazam untuk mendirikan rumah barn yang kukuh dan selesa. Tukya berharap anak cucunya akan sering pulang ke kampung apabila rumah baharunya siap nanti.

Aku sakit, Besah!" Katanya dengan sebak. "Apakah yang kaurasa sekiranya anak sendiri tidak mahu balik ke rumah tempat tumpah darahnya, kalau dengan alasan rumah yang buruk ini? Apakah yang kau rasa, kalau kerana buruknya rumah ini, kita tak boleh lagi menumpang kasih sayang dengan anak cucu? Cubalah kau fikir Besah! Selain dari anak cucu dalam dunia ini, siapa lagi yang boleh curahkan kasih sayang?

(Azizi Haji Abdullah, 1982: 129)

Fikri telah mempelawa kedua-dua orang tuanya tinggal bersamanya di Kuala Lumpur, tetapi ajakan itu sia-sia sahaja. Jiwa Tukya sudah sebat dengan kehidupan desa itu membuatkan pelawaan anaknya ditolak. Bagi Tukya dan Besah:

Bunyi cengkerik, bunyi kuang, lotong clan burung hantu yang memecah kesepian malam, adalah nyanyian rimba yang tidak pernah ada di kota. Tukya seperti mahu menempik jika Fikri ada di depannya ketika itu, bahawa kehidupan di sini kehidupan tersendiri. Bersih clan damai. Ketenangan itulah kebahagiaan. Apakah kau sedar Fikri?

(Azizi Haji Abdullah, 1982: 49)

Tukya lebih gemar menghabiskan usia tuanya di kampung halamannya sendiri. Sikap Tukya yang berkeras untuk terus menetap di kaki Gunung Bongsu memperlihatkan bahawa dia tidak bersedia dengan cara hidup kota. Dia masih mahu mempertahankan cara hidup kampung yang tenang, mudah dan saling bekerjasama antara satu sama lain dalam kehidupan bermasyarakat. Perjalanan kehidupan Tukya di hutan rimba memperlihatkan satu perhubungan intim dirinya dengan perskitaran. Seperti kata Tornstam,

The experience of nature evokes the feeling of being at one with the universe, which is called at-one-ment in the Eastern tradition. The increasing significance of these small everyday experiences of nature could therefore be interpreted as a way in which the barrier between the self and the universe is transcended.

(Tornstam, 2005: 59)

Teori Tornstam (1989) mengagaskan bahawa seseorang manusia yang menjejaki usia tua akan memikirkan dan membangunkan cara-cara baharu untuk melihat dan mengalami dunia mereka pada "kala senja" tersebut. Hasil daripada pelbagai perubahan yang berlaku dalam proses penuaan, mereka mengalami kemerosotan batasan fizikal yang mendorong mereka untuk membina perspektif baharu yang membentuk mereka sebagai seorang individu.

Menurut Tornstam, transcendensi sendiri berlaku apabila kepentingan diri sendiri diabaikan untuk kepentingan orang lain. Dalam konteks ini, Tukya sanggup untuk menumbangkan pokok cengal untuk mendirikan rumah baharu untuk anak cucunya sungguhpun diri fizikalnya tidak kuat. Menurut Tornstam, *The wishes and needs of the self are transcended in favor of other people's needs and wishes.* (Tornstam, 2021: 62). Ego Tukya untuk mempertahankan pendiriannya dikatakan telah menghancurkan dirinya dan membawa kepada satu musibah kepada dirinya dan keluarga. Namun 'ego' tersebut sebenarnya boleh dianggap sebagai satu unsur positif bagi seorang tua seperti Tukya. Kebajikan keluarga Tukya diutamakan dan dia sanggup mengorbankan kudrat dirinya untuk kesejahteraan keluarganya.

Tornstam menyedari dan merumuskan bahawa perasaan dan tingkah laku hakikat penuaan itu bukan selalunya menimbulkan masalah tetapi seringkali masalah akan menonjol akibat perspektif warga tua ini melihat dan mentafsirkan pengalaman baharu yang dihadapi mereka. (Saravanan, 2019: 174). Tornstam telah menegaskan bahawa, *"The first outline to the theory of gertranscendence assumes that the individual self is gradually changing and developing"*. (Tornstam, 2005: 60). Tukya juga digambarkan sebagai seorang yang keras hati, sanggup mempertahankan harga diri serta tidak mudah mengalah dengan keadaan sekelilingnya. Tukya tetap dengan pendiriannya sehingga ke akhir hayatnya. Bagi Tukya, "Yang penting bagiku, ...ialah kata-kata yang aku rasa seperti mencabar ketuaanku." (hlm. 129). Yang amat pantang kepada Tukya ialah perkataan 'tua'.

Banyak persoalan yang ditimbulkan oleh pengarang dalam novel ini, antaranya ialah tentang sikap keras hati yang membawa kepada sesuatu padah atau musibah yang menimpa diri Tukya seperti disengat lebah ketika mencari madu lebah dan ditimpa pokok cengal ketika menebang di hutan. Selain daripada itu, persoalan lain yang diketengahkan ialah tentang harga diri. Tukya merupakan seorang yang kuat semangat dan sanggup mempertahankan harga dirinya walaupun apa yang berlaku ke atas dirinya tetap dihadapi dengan tabah. Sindiran disebut untuk menjatuhkan martabat atau menaikkan kemarahan seseorang. Sebagai contohnya,

"Alaa, kita ni dah tua, takkan pokok dua tiga pemeluk tu sanggup nak terbang! Kalau ya pun, ukurlah sama dengan tenaga tu!"

(Azizi Haji Abdullah, 1982: 114)

"Lamin selalu cerita yang Atuk kuat naik bukit, Atuk kuat terbang pokok, Atuk kuat tarik rotan, tetapi kenapa Atuk tak lawan lebah yang kecil tu?" Farid seperti menyindir.

(Azizi Haji Abdullah, 1982: 90)

Tukya sudah berazam, walau apa pun terjadi, selagi boleh berjalan mahupun merangkak meredah rimba dan naik ke atas gunung, akan dikapak juga batang cengal itu sehingga tumbang. Selam aini amat sengsara perasaannya bila sahaja kata sindir menyelina masuk ke lubang telinganya, bergema dalam kenangbaliknya. (Azizi Haji Abdullah, 1984: 125). Pengarang telah berjaya menonjolkan watak dan perwatakan Tukya yang menghadapi pelbagai konflik yang dihadapi dan ketegangan terakhir adalah sewaktu Tukya berjaya menumbangkan pokok cengal batu, tetapi nasibnya malang apabila ditimpa pokok tersebut. Dengan bangga Tukya berkata:

"Aku akan buktikan pada anak cucuku bahawa aku sanggup buat rumah tegap-tegap, kuat-kuat. Aku mau mereka lihat dengan mata kepala mereka sendiri."

(Azizi Haji Abdullah, 1982: 113)

Di samping itu, tanggapan umum sering mengaitkan usia tua dengan keuzuran dan pelbagai jenis penyakit. Sungguhpun Tukya berusia 73 tahun, dia masih gagah berani mengharungi hutan rimba untuk mencari rotan, menjerat pelanduk dan sebagainya. Sungguhpun tua dan ketuaan itu adalah satu proses, namun ia sering dianggap sebagai satu bebanan kepada diri sendiri dan keluarga.

Selepas kematian Tukya, Besah diteruskan sama seperti dahulu, iaitu berhuma, mencan rotan, menjerat pelanduk dan sebagainya. Besah tetap berkeras tidak mahu tinggal bersama-sama anaknya di Kuala Lumpur. Bagi Besah jika Tukya dapat hidup bersama-samanya selama berpuluh-puluh tahun di kaki Gunung Bongsu, maka dia juga harus meneruskan kehidupannya di kaki gunung ini walaupun bersendirian. Perjalanan hidupnya diteruskan tanpa mengubah apa-apa rutin yang dilakukan ketika Tukya masih hidup suaminya dahulu. Cuma apa yang perlu ditambah dalam amalan tersebut ialah menziarahi kubur Tukya pada setiap hari Jumaat, Sikap degil Tukya itu diwarisi oleh Besah. Besah juga memperlihatkan ketegasannya tidak mahu bergantung kepada anaknya selepas kematian Tukya. Walaupun Tukya sudah meninggal dunia, dan kematian Tukya itu bermakna dia harus meneruskan kehidupannya bersendirian, namun ia tidak sedikitpun mematahkan niatnya untuk meneruskan kehidupannya di desa. Sama seperti Tukya, dia masih teguh mempertahankan nilai-nilai tradisi di kampungnya dan percaya dengan nilai-nilai tersebut, kehidupannya dapat diteruskan sama seperti dahulu.

PENUTUP

Yang paling penting dan paling ketara hanyalah konflik peribadi, antara Tukya dengan watak-watak lain yang mencabarnya serta menyatakan hakikat ketuaannya. Tukya yang amat sukar untuk menerima hakikat mengenai diri sendiri. Menurut perspektif gerotranscendensi, memiliki ego yang agak tinggi seperti Tukya adalah berbentuk positif namun keazamannya telah membawa kepada pengorbanan nyawanya. Perwatakan Tukya mempamerkan ciri-ciri seorang gerotranscendent yang bersemangat kental dalam menempuhi cabaran untuk membina sebuah rumah untuk anak cucunya. Transcendensi sendiri dalam Tukya telah mampu mengubah 'ego'-nya kepada 'altruisme', yang mana dia telah mengorbankan dirinya untuk kebajikan dan kesejahteraan keluarganya. Tukya memang memiliki kekuatan fizikal yang luar biasa bagi seorang tua yang berusia 73 tahun. Isterinya, Besah juga berfikir demikian. "Alangkah

takjubnya Besah bila dia melihat pokok cengal batu sebesar dua pemeluk tiga suku ditakik batangnya itu baharulah diinsafi betapa tenaga tua Tukya sungguh mengagumkan. (Ibid: 154).

Selepas kematian Tukya, Fikri mula sedar bahawa azam dan semangat ayahnya sukar digoyah, malah ia merupakan suatu perasaan yang sukar ditafsirkan. Fikri tidak menyangka bahawa perasaan ayahnya tercuit melalui kata-kata mereka dahulu. Ibunya pula mengambil keputusan untuk terus tinggal di kaki Gunung Bongsu. Kata-kata Besah ini jelas menunjukkan bahawa dia juga seperti Tukya, tegas dalam pendiriannya, "Jangan salahkan orang tua, kalau kau boleh membenarkan pendapat mudamu, apakah aku yang tua tidak boleh berdiri atas pendapatku?" (Azizi Haji Abdullah, 1982: 164). Sesungguhnya Tukya tidak dapat menerima kata-kata yang mengatakan dirinya telah tua. Tukya menganggap tenaganya masih kuat: "*Berhenti ketika masih kuat bererti menghina tenaga yang ada, fikir Tukya*" (Azizi Haji Abdullah, 1982: 85). Segala yang dilakukan oleh Tukya adalah untuk mempertahankan maruahnyanya.

"Yang penting bagiku... ialah menyahut kata-kata yang aku rasa mencabar ketuaanku. Dan bukan itu saja, malah cengal yang tinggi menyayup itu pun, yang besar dua pemeluk lebih itu, seperti mencabar aku juga. Nanti satu hari kau ikut sama. Tengok aku terbang. Kau sendiri pun akan hairan melihat kegagahanku!"
(Azizi Haji Abdullah, 1982: 129)

Memang tidak dinafikan bahawa ketuaan dan proses penuaan dapat difahami. Seperti kata seorang sarjana,

Through his theory of gerotranscendence, Tornstam has introduced a new understanding of aging, stating that human development is a life-long process that continues into old age and that, when optimized, ends in a new perspective. The theory of gerotranscendence focuses on two phenomena: the old person and the ageing process itself. The theory describes both the experience of growing old and the characteristic of a normal and positive old age.

(Wadensten, 2007: 289)

Seringnya warga tua lebih senang dengan persekitaran yang telah menjadi sebatian dengan diri mereka. Konflik Tukya dengan anak cucu dan menantunya tercetus daripada kehendaknya untuk mendirikan rumah baharu untuk keluarganya di kampung. Menurut Hooyman dan Kiyak,

The environment plays a more dominant role for older people with ADL limitations because their capacity to control their surroundings such as leaving an undesirable setting, is considerably reduced.

(Hooyman & Kiyak, 2008: 87)

Oleh itu, dapat difahami sebab Fikri dan keluarganya tidak mahu berpindah ke kampung kerana keadaan di Kuala Lumpur sama sekali tidak sama dengan keadaan di perkampungan di kaki Gunung Bongsu. Begitu juga sebaliknya, Tukya enggan berpindah ke Kuala Lumpur. Selepas kematian Tukya, isterinya Besah enggan juga berpindah ke Kuala Lumpur mengikut anaknya:

"Tinggalkan Nenek di sini sebagai seorang tua di kaki gunung, katanya dengan sayu.

...Dan esok dia akan memulakan hidup baru sebagai seorang tua di kaki gunung. Dia tidak akan menganjak -undur lagi walaupun Fikri menyempung naik ke kereta."

(STKG, 1984: 165)

Dengan penuh harapan, pengarang telah mengakhiri kisahnya dengan peninggalan seorang tua lagi di kaki gunung yang bersemangat untuk meneruskan perjalanan hidupnya. Seperti yang dianjurkan oleh teori gerotranscendensi,

The theory of gerotranscendence focuses on two phenomena: the old person and the ageing process itself. The theory describes both the experience of growing old and the characteristics of a normal and positive old age.

(Wadensten, 2007: 289)

RUJUKAN

- Aging, N. R. (1987). *Aging in Today's Environment*. Washington DC: National Academies Press.
- A.Wahab Ali. (1977). The Role of Literature in Transmitting National Values. *Eleventh American Studies Seminar* (pp.36). Manila: Roger J. Brenhan.
- Abdul Rahman Embong.(2015). *Sastera, Politik dan Masyarakat* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atchley, R. C. (2000). *Social Forces and Aging. An Introduction to Social Gerontology*. Belmont,USA: Wadsworth Thomson Learning.
- Azizi Haji Abdullah. (1984). *Seorang Tua di Kaki Gunung*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Bruner, J. (2004). Life as Narrative. *Social Research: An International Quarterly*, 71(3),691-710.
- Clark P, P. M. (2020). *Age Also Matters for Gerontologists: Personal dan Professional Perspectives in Growing Older*. *Innov Aging*, 670-671.
- Havighurst, R. J. (1966). How Does It Feel to Grow Old? *The Gerontologist*,6 (1)130-131.
- Hemingway, Ernest. (1952). *The Old Man and the Sea*. New York: Scribner.
- Hooyman, N. R., & Kiyak, H. A. (2008). *Social Gerontology: A Multidisciplinary Perspective*. Boston: Pearson.
- Kenyon, G., & Randall, W. L. (1999). Introduction: Narrative Gerontology. *Journal of Aging Studies*, 1-5.
- Kinney, C. S. (2001). *The Realities of Aging. An Introduction to Gerontology*. Boston: Allyn and Bacon.
- Koller, M. R. (1968). *Social Gerontology*. New York: Random House, Inc.
- Kriiebernegg, U. (2015). Literary Gerontology: Understanding Aging as a Lifelong Process Through Cultural Representation. *The Gerontologist*.
- M. Wyatt-Brown, A. (1990). The Coming of Age. *Journal of Aging Studies*, 299-315.
- Medeiros, K. D. (2016). Narrative Gerontology: Countering the Master Narratives of Aging. *Narrative Works: Issues, Investigations & Interventions*, 65.
- Medeiros, K. D. (2017). Narrative Gerontology: Introducing the Field. *Exlibris Social Antology Journal*, 14.
- Mohd. Ariff Hussein. (1990). *Kaedah Penyelidikan gunaan dalam bidang ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Nazreen Shahul Hamid, M. S. (2018). Perjalanan Si Tua dalam Novelet" Sebuah Mimpi Buat Hari Tua". Suatu Penelitian Gerontologi. *Malay Literature*, 31(1) ,168-181.
- Moleong, L. J. (2004). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: PT. Remaja Rosada karya.
- O'Conner, F. (1961). *Mystery and Manners: Occasional Prose*. New York: Farrar, Straus & Giroux.
- Osman Ayob. (2021, Disember). *Dewan Sastera: Jendela DBP*. Retrieved from Jendela DBP: <https://dewansastera.jendeladbep.my/2021/12/18/2596/>.
- Rahimah A. Hamid. (2017). *Sensitiviti dan Kreativiti Pengarang*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rajani, F. (2015). Theory of Gerotranscendence: An Analysis. *Journal of Psychiatry and Behavioral Sciences*, 1465.

- Saravanan P. Veeramuthu. (2019). Penyakit dalam Perjalanan Hidup:Kajian Perbandingan Novel *Mahabbah* dengan *Anthima Kaalam* (Kala Senja). Dalam Sohaimi. Abdul Aziz (Peny), *Apabila Nyawa di Hujung Julai* (hlm. 171-191). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Shahnon Ahmad. (1988). *Tunggul-tunggul Gerigis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. (2003). *Lamunan Puitis: Sebuah Trilogi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. (2007). *Mahabbah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Talib Samat. (2010). *Naratologi Shahnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tornstam, Lars. (1996). "Gerotranscendence – A Theory about Maturing into Old Age." *Journal of Aging and Identity*. 1(1):37-50.
- Ungku Maimunah Bt Tahir. (1987). Modern Malay Literary Culture: A Historical Perspective. *Research Notes and Discussion Paper*. Institute of South East Asian Studies.
- Zeilig, H. (2012). The Critical Use of Narrative and Literature in Gerontology. *International Journal of Ageing and Later Life*, 30.